

## Peluang Pekerjaan

Pelatih - pelatih yang tamat dengan jaya akan di-anugerahkan Sijil Kelayakan Pembantu Pembedahan Pergigian dan diwajibkan berkhidmat dengan kerajaan selama lima (5) tahun.

### Tangga Gaji :

Pembantu Pembedahan Pergigian Terlatih akan menikmati tangga gaji Gred U14; PIT4 RM 566.50 (tertakluk kepada perubahan semasa)

### Lain - lain faedah

1. Lantikan tetap dan berpencen.
2. Pakaian seragam dan kasut percuma.
3. Cuti tahunan.
4. Kemudahan khidmat perubatan dan pergigian percuma.
5. Skim pinjaman perumahan.
6. Latihan dalam perkhidmatan.
7. Skim pinjaman komputer.

### Penempatan

1. Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan.
2. Klinik Pergigian di Hospital.
3. Klinik Pergigian Sekolah.
4. Pasukan Pergigian Bergerak.



## Prospek Kerjaya



Pembantu Pembedahan Pergigian Terlatih Gred U14 yang telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat selama 3 tahun layak memohon :

- \* kenaikan pangkat melalui temuduga ke jawatan kanan Gred U 13 (tertakluk kepada prestasi).
- \* mengikuti kursus Diploma Kejururawatan Pergigian atau Juruteknologi Pergigian melalui Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).



## Kerjaya dalam bidang **PERGIGIAN**



## PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN

Unit Penggalakan Kesihatan Pergigian  
Bahagian Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
MOH / K / GIG / 4. 2000 ( PT )

## Pembantu Pembedahan Pergigian

Jika anda mempunyai perwatakan yang cergas, bersopan, penyabar, prihatin dan berupaya berkomunikasi dengan baik, maka anda dipelawa untuk menyertai kerjaya sebagai **Pembantu Pembedahan Pergigian**.



Pembantu Pembedahan Pergigian memasukkan data pesakit

### Deskripsi Tugas

**Pada amnya tugas Pembantu Pembedahan Pergigian ialah :**

1. Membantu Pegawai Pergigian dan Jururawat Pergigian mengurus pesakit.
2. Bertanggungjawab dalam pengawalan jangkitan silang di surgeri.
3. Menyediakan segala peralatan yang diperlukan untuk rawatan pergigian.
4. Menyambut dan mendaftar pesakit di kaunter pendaftaran.
5. Menguruskan data pesakit secara berkomputer.
6. Mengutip wang bayaran rawatan pergigian dari pesakit serta mengeluarkan resit.

## Kelayakan

**Umur :** Calon - calon hendaklah berumur 17 tahun ke atas dan tidak melebihi 25 tahun.

**Jantina :** Perempuan / Lelaki ( belum berkahwin ).

**Kelulusan:** Mempunyai Sijil Pelajaran Menengah Rendah (PMR) serta kepujian dalam Bahasa Melayu, Sains dan Matematik. Calon yang lulus dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

**Kemahiran Khas :**  
Berpengetahuan di dalam penggunaan komputer.

**Taraf Kerakyatan :** Warganegara Malaysia.

**Lantikan Melalui :**  
**Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ( KPSL ).**

- (i) Atendan Kesihatan yang telah disahkan dalam jawatan atau calon - calon dari lain -lain Perkhidmatan Awam /Badan - badan Berkanun.
- (ii) Mempunyai kelayakan seperti di atas.
- (iii) Berumur tidak melebihi 45 tahun.

Calon - calon yang berjaya akan menjalani latihan di Sekolah Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang (SLPM) dan pusat latihan amali negeri / daerah bagi tempoh 2 tahun.

## Cara Memohon

Borang permohonan boleh diperolehi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

## Elaun Biasiswa

Pelatih akan diberi elaun biasiswa, tempat tinggal di asrama yang beryuran.

## Struktur Kursus

**Tempoh latihan :** 2 tahun

**Tahun 1** - Semester 1 (6 bulan) dan II (6 bulan)

**Tahun 2** - Semester III (6 bulan) dan IV (6 bulan)

**Semester 1 ( 6 bulan )**

3 bulan awal : Kursus Intensif Pertama (SLPM)  
**Peperiksaan**

3 bulan akhir : Latihan Amali  
( Pusat Latihan Amali )  
**Ujian Berkala**

**Semester II ( 6 bulan )**

Latihan Amali ( Pusat Latihan Amali )  
**Peperiksaan**

**Semester III ( 6 bulan )**

Latihan Amali ( Klinik Pakar )  
**Persiapan kerja projek**

**Semester IV ( 6 bulan )**

3 bulan awal : Latihan Amali  
( Pusat Latihan Amali )

3 bulan akhir : Kursus Intensif Akhir ( SLPM )  
- Teori  
- Latihan Amali  
- **Peperiksaan Akhir**

**Subjek - subjek yang dipelajari :**

- \* Sains Asas
- \* Sains Klinikal
- \* Sains Tingkahlaku
- \* Teknologi Maklumat
- \* Sains Pergigian
- \* Sains Pengkayaan
- \* Pengurusan Kesihatan



Pembantu Pembedahan Pergigian bertugas di kaunter